

Dendang Laut
Brown Booby

FAMILI: Sulidae
NAMA SAINTIFIK: *Sula leucogaster*



CIRI-CIRI

Bahagian atas badan berwarna coklat tua dan bahagian bawah dada hingga ke bahagian bawah tengkuk berwarna putih. Semasa terbang, kelihatan warna putih di bahagian bawah sayap serta terdapat garisan jalur hitam yang separa lengkap. Burung ini mempunyai paruh kekuningan dan bahagian muka berwarna biru kekelabuan. Bahagian kaki pula berwarna kuning pucat kehijauan.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah antara 73-83 sm.

MAKANAN

Ikan dan sotong.

HABITAT

Laut terbuka, kawasan persisiran pantai dan kawasan pulau kecil.

BUNYI

Semasa musim membiak, individu jantan akan mengeluarkan bunyi seperti bunyi siulan angsa dan bunyi *koe-el*. Individu betina pula mengeluarkan bunyi yang kuat iaitu seakan-akan bunyi itik atau gagak.

PEMBIAKAN

Sarang dibina daripada ranting-ranting kecil di pinggir kawasan yang berbatu dan permukaan tanah. Menghasilkan 2 biji telur berwarna putih yang berukuran di antara 52.3 x 39.1 mm-62.7 x 40.8 mm setiap kali bertelur.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.